

7 FEB 1996

SAM SAMBUT BAIK LANGKAH KAWAL PENARAHAN BUKIT

PULAU PINANG, 7 Feb (Bernama) -- Sahabat Alam Malaysia (SAM) hari ini menyambut baik gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar pembina jalan raya membina terowong dan jejambat dan tidak melakukan sebaliknya dengan menarah bukit dan menebang pokok.

Presidennya Haji S.M.Idris berkata gesaan itu menunjukkan satu usaha oleh kerajaan untuk memulihara alam sekitar memandangkan SAM amat bimbang dengan keadaan kritikal bukit dan tanah tinggi di negara ini.

"Ekosistem bukit dan tanah tinggi adalah rapuh dan ia hendaklah menentukan projek-projek dan pembinaan jalan raya yang tidak terancang dan maju yang boleh menyebabkan kerosakan berkekalan kepada ekosistem", katanya.

Oleh itu perlulah terdapat satu dasar kebangsaan mengenai bukit dan tanah tinggi bagi memastikan perlindungan terhadapnya, katanya.

Beliau mengulas mengenai kenyataan Dr Mahathir semalam bahawa kerajaan mahu terowong dan jejambat digunakan dalam pembinaan jalan raya agar ia tidak merosakkan kawasan bukit berkenaan. -- BERNAMA